

NO SOALAN :41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID
(KUALA LANGAT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.11.2017

**Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KUALA
LANGAT]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah
pelaburan KWSP di luar negara antara tahun 2013 sehingga 31 Julai
2017.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pendedahan pelaburan luar negara KWSP yang dibenarkan pada
masa ini adalah sebanyak 32% (dengan julat antara 26% sehingga
37%) daripada jumlah portfolio pelaburannya. Pelaburan luar negara
KWSP yang dimulakan sejak tahun 2006 secara keseluruhannya

melibatkan lebih daripada 40 buah negara dan 25 mata wang asing. Selain dapat mengurangkan risiko konsentrasi di pasaran domestik dan memberi KWSP akses kepada kepelbagaian pelaburan yang berkualiti, pasaran luar negara didapati mempunyai kecairan yang lebih baik. Namun begitu, pelaburan domestik terus kekal penting dan merupakan bahagian utama dalam struktur pelaburan KWSP di mana saiz portfolio pasaran domestik secara konsisten mencatat peningkatan pada kadar 7% setiap tahun.

Butiran pelaburan yang spesifik seperti keuntungan dan kerugian dalam sesebuah syarikat, terutamanya yang masih dipegang oleh KWSP adalah maklumat sulit dan sensitif. Sebarang pendedahan maklumat berkenaan kedudukan pelaburan dalam sesebuah syarikat berpotensi mengakibatkan pergerakan harga pasaran yang tidak wajar dan memberi gambaran tidak adil kepada pelaburan tersebut.

KWSP sentiasa memantau syarikat-syarikat yang dilaburkan agar sentiasa memenuhi kriteria-kriteria pelaburan KWSP yang ketat seperti mempunyai 'fundamental' yang kukuh dan berupaya memberi pendapatan pelaburan yang stabil dalam jangka masa yang panjang. Bagi syarikat-syarikat yang menunjukkan kemerosotan prestasi kewangan yang berterusan serta pengurusan syarikat yang kekal

lemah, KWSP akan mengurangkan atau melupuskan keseluruhan pegangan dalam syarikat tersebut setelah analisa yang terperinci dilakukan.

Di samping berpandukan Alokasi Aset Strategik (SAA) yang dirangka untuk mengoptimumkan pulangan jangka panjang pada julat risiko dan jangkaan pulangan yang munasabah, KWSP sentiasa mengamalkan dasar pelaburan yang berdisiplin dan berhemat, sejajar dengan peruntukan Seksyen 26, Akta KWSP 1991 bagi terus menjamin dan menambah simpanan ahli. Berasaskan struktur tadbir urus korporat yang telus dan garis panduan pelaburan yang telah ditetapkan, KWSP dapat menjalankan tanggung jawabnya dengan cekap dan teratur mengikut amalan terbaik industri.

Rangka kerja tadbir urus korporat pelaburan KWSP melibatkan pelbagai peringkat Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Panel Pelaburan, Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang bertanggung jawab dalam penyediaan dan penguatkuasaan garis panduan pelaburan, strategi dan pemantauan keputusan pelaburan, pelaksanaan serta prestasi pelaburan. Laporan pelaburan KWSP juga diaudit oleh Jabatan Audit Dalaman bagi setiap suku tahun dan Jabatan Audit Negara bagi laporan tahunan. Di

samping itu, laporan prestasi kewangan KWSP bagi setiap suku tahun disediakan berpandukan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa dan dibentangkan ke Parlimen serta tertakluk kepada penelitian oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

Berdasarkan statistik pelaburan daripada tahun 2010 sehingga yang terkini sehingga Jun 2017, peratus pendedahan pelaburan KWSP di peringkat domestik adalah di antara 71% dan 90% manakala peratus pendedahan pelaburan luar negara KWSP adalah di antara 10% dan 29%. Peratus pelaburan ini adalah berdasarkan jumlah aset pelaburan KWSP daripada RM440.52 bilion pada tahun 2010 kepada RM759.78 bilion pada Jun 2017.

	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	Jun 2017
Domestik	90%	87%	83%	80%	77%	75%	71%	71%
Luar Negara	10%	13%	17%	20%	23%	25%	29%	29%
Jumlah Aset Pelaburan (RM bilion)	440.52	469.04	526.75	589.87	636.53	684.53	731.11	759.78

Dari segi pulangan pelaburan yang berjaya dijana KWSP antara tahun 2010 hingga tahun 2016, pelaburan domestik mencatat kadar pulangan antara 5.74% dan 6.82% manakala pelaburan luar negara mencatat kadar pulangan antara 7.13% dan 12.84%.

Pulangan	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016
Domestik	5.87%	6.56%	6.82%	6.50%	6.34%	5.74%	6.18%
Luar Negara	7.46%	6.90%	7.13%	8.61%	10.45%	12.84%	9.73%

89

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI

TARIKH : 20.11.2017

SOALAN : NO.42

Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali [Gombak] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan apakah pelan tindakan Kementerian untuk memastikan sistem pendidikan negara, khususnya Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terus mendapat pengiktirafan negara luar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui inisiatif mereka bentuk semula pendidikan tinggi telah mencipta pelbagai kejayaan yang membanggakan termasuk menerima pengiktirafan dari badan antarabangsa. Selain pencapaian terbaik universiti penyelidikan pada *QS World Ranking* dengan tersenarai dalam 1% teratas di dunia (*Top 1% in the World*) daripada 26,000 buah universiti dalam dunia, Malaysia turut meningkat sebanyak 11 anak tangga pada ranking U21 dengan berada di tangga ke-25 berbanding ke-36 pada tahun 2012. Portal *US News* turut meletakkan nama-nama universiti Malaysia dalam *Best Global University*.

Selain itu, beberapa penyelidik tempatan turut mendapat pengiktirafan daripada pentaksiran oleh *Elsevier* iaitu agensi mengkaji penerbitan berkualiti di dunia di mana agensi ini telah meletakkan Malaysia di tempat kedua di kalangan negara-negara Asia Pasifik dengan pertumbuhan 7.2% di dalam *high index publication* berbanding perkembangan dunia pada kadar 1.1%. *Clarivate Analytics* pula telah banyak memberi pengiktirafan kepada penyelidik tempatan di kalangan 1% teratas paling berpengaruh daripada 3,000 penyelidik dari seluruh dunia.

Sebagai tambahan, sistem akreditasi KPT turut menerima pengiktirafan di peringkat antarabangsa seperti pematuhan terhadap *Guideline of Good Practices (GGP): the International Network for Quality Assurance Agencies in Higher Education*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui pelancaran MYREN-X iaitu infrastruktur siber jalur lebar berkelajuan tinggi 100 Gigabit sesaat, ia dapat memenuhi keperluan pembelajaran dan penyelidikan secara lestari kepada institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) menerusi penggunaan teknologi dalam pembelajaran tanpa had lokasi dan masa. Penambahbaikan sistem penyampaian kurikulum turut dilaksanakan dengan menggunakan kaedah *gamification*, hologram, *virtual reality*, *augmented reality*, *visualization*, simulasi, *leap motion*, *Internet of Things* dan sebagainya.

Dari segi penyelidikan, keutamaan diberikan kepada penyelidikan yang berteraskan revolusi perindustrian keempat seperti *robotic* dan *artificial intelligence*. KPT turut mengalu-alukan pengumuman penubuhan *Futurise Centre* di Cyberjaya yang turut melibatkan penglibatan UA bagi membangunkan *prototype* produk serta melonjakkan daya inovasi.

91

KPT turut memperkenalkan **kampus digital**, seperti contohnya penggunaan QR Code, 'Cashless dan Cardless' atau sistem tunai elektronik dan kad pelajar elektronik di beberapa universiti iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Malaysia Sarawak. Ia bertujuan memberi perkhidmatan digital sepenuhnya di mana pengguna boleh membuat pembelian dengan lebih mudah, penghantaran wang, tambah nilai telefon dan pemberian hadiah digital melalui aplikasi ini. Melalui portal MyE-Portfolio yang telah dibangunkan di lima universiti perintis iaitu Universiti Putra Malaysia, Universiti Antarabangsa Islam Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi Mara dan UKM. Ia dapat membantu pelajar mempamerkan kebolehan secara kualitatif melalui jurnal reflektif, imej, video atau multimedia.

Pelan Pembangunan Pendidikan (Pendidikan Tinggi) Tahun 2015-2025 dalam Lonjakan 7: Ekosistem Inovasi juga turut mempertingkatkan usaha pembangunan ekosistem Inovasi di IPT yang merupakan salah satu penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Inisiatif-inisiatif ini dijangka dapat meningkatkan visibiliti dan penyebaran pengetahuan ilmiah kepada masyarakat saintifik yang lebih meluas di samping menyumbang kepada peningkatan dalam ranking universiti secara berterusan.